

Kompetensi Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah di Malaysia

Competency of Arabic Teachers in Primary School in Malaysia

Abdul Razif bin Zaini ¹, Noor Shamshinar binti Zakaria ², Mohd Rofian Ismail ³, Mohd Redzaudin Ghazali ⁴ & Hasmadi Hamdan ⁵

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
23 MAC 2020	27 MAC 2020	30 APRIL 2020

ABSTRAK

Kompetensi merupakan elemen penting dalam profesion pendidikan. Kejayaan ataupun kegagalan proses pengajaran pembelajaran di dalam kelas bergantung sepenuhnya kepada tahap kompetensi guru. Namun ketiadaan sebarang standard yang mampu digunakan untuk mengukur tahap kompetensi guru menjadikan ia sukar ditentukan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menentu dan mengukur tahap kompetensi guru bahasa Arab. Responden kajian terdiri daripada 557 orang guru sekolah rendah di Malaysia yang dipilih menggunakan persampelan rawak mudah berstrata mewakili zon utara, zon timur, zon tengah, zon selatan serta zon Sabah dan Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lima domain wajar digunakan dalam pengukuran kompetensi guru bahasa Arab iaitu pedagogi, kurikulum, penilaian, profesionalisme dan bahasa. Dapatan juga menjelaskan bahawa kompetensi guru secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana, namun guru kurang kompeten dalam aspek kurikulum, penilaian dan bahasa. Kajian mencadangkan agar pihak yang berkepentingan menyediakan latihan berterusan agar kompetensi guru dapat dikekalkan dan ditingkatkan terutama aspek kompetensi khusus.

Kata kunci: *Standard Kompetensi Guru, Kompetensi Bahasa, Kompetensi Guru Bahasa*

ABSTRACT

Competence is an essential element of the education profession. The successful teaching process in the classroom depends entirely on the level of teacher's competency. Absence of any standards that can be used to measure teacher competence makes it difficult to determine their performance. Therefore, this study was conducted to determine and measure the level of teacher competence. This study consisted of 557 respondents from primary school teachers in Malaysia who were selected using simple random sampling representing the northern zone, eastern zone, middle zone, southern zone, Sabah and Sarawak as well. The findings of the study show that five domains should be used in measuring the competencies of Arabic language teachers which is pedagogy, curriculum, assessment, professionalism and language. The findings also indicate that teachers' overall competence is at a moderate level. They are also less competent in curriculum, assessment and language. The study suggested that stakeholders provide ongoing training so that teachers' competencies can be maintained and improved especially in specific competencies.

Keywords: *Standard Teacher Competence, Language Competence, Language Teacher Competence*

¹ Abdul Razif Zaini, PhD, ICESCO Educational Centre in Malaysia, abdulrazif@kuis.edu.my.

² Noor Shamshinar, Fakulti Pendidikan, Kolej Univ. Islam Antarabangsa Selangor, shamshinar@kuis.edu.my

³ Mohd Rofian, Fak. Pengajian Peradaban Islam, Kolej Univ. Islam Antarabangsa Selangor, mohdrofian@kuis.edu.my

⁴ Mohd Redzaudin, Fak. Pengajian Peradaban Islam, Kolej Univ. Islam Antarabangsa Selangor, redzaudin@kuis.edu.my

⁵ Hasmadi Hamdan, Kementerian Pendidikan Malaysia, hasmadi.hamdan@gmail.com

Pengenalan

Guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan. Guru juga barisan hadapan yang melaksana segala dasar dan matlamat kurikulum yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). Tanpa penglibatan dan sokongan guru, segala perancangan pendidikan yang telah disediakan tidak dapat dilaksanakan secara sempurna. Guru adalah sebahagian daripada ejen yang mampu melahirkan generasi berpengetahuan dan berinovasi serta tenaga berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal dan professional seperti termaktub dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Malah kualiti guru adalah faktor yang memberi kesan kepada pembelajaran pelajar (Al Muslim & Zamri Arifin, 2012).

Hala tuju pendidikan negara yang telah dirangka oleh KPM telah menentukan matlamat untuk menjadikan pendidikan di Malaysia sebagai pendidikan bertaraf dunia. Gagasan ke arah itu menuntut komitmen yang padu daripada semua pihak terutama guru. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa komited meningkatkan kualiti guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012; Bernama, 2012). Matlamat ini mampu direalisasikan jika kita mempunyai guru yang kompeten dalam profesinya. Komitmen daripada guru sangat diperlukan dalam merealisasikan matlamat dan gagasan tersebut. Guru berprestasi tinggi dapat meningkatkan pencapaian murid sehingga 50 poin persentil dalam tempoh tiga tahun berbanding guru berprestasi rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Pendidikan bahasa Arab dilihat tidak terkecuali dalam usaha mencapai tahap pendidikan bertaraf dunia. Guru perlu memberi tumpuan kepada kompetensi utama bagi mewujudkan persekitaran pendidikan yang positif bagi pelajar dan ibubapa (Zeiger, 2018). Guru yang kompeten mampu menyampaikan pengajaran secara berkesan (Noor Hisham Md Nawi, 2011) sekaligus mampu meningkatkan kualiti pendidikan bahasa Arab di Malaysia (Al Muslim & Zamri Arifin, 2012).

Bagi menunjukkan keseriusan kerajaan dalam aspek kualiti pendidikan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia meninggikan syarat kelayakan kemasukan ke profesion keguruan. Ini bagi memastikan semua guru yang mengikuti setiap latihan perguruan memenuhi syarat minimum kelayakan akademik. Untuk itu, pihak kementerian menyasarkan hanya 30 peratus graduan terbaik dalam negara dipilih menjadi guru dalam usaha mentransformasi profesion itu menjadi profesion pilihan (Bernama, 2013)

Pernyataan Masalah

Kompetensi guru merupakan faktor yang penting bagi menjayakan segala matlamat pendidikan yang ditetapkan oleh KPM. Kompetensi diperlukan dalam melaksanakan dasar sedia ada mahupun dalam pelaksanaan dasar-dasar baharu. Tanpa tahap kompetensi yang baik, matlamat untuk merealisasikan dasar tersebut sukar dicapai. Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu (2015) menegaskan bahawa kejayaan ataupun kegagalan proses pengajaran pembelajaran dalam kelas bergantung sepenuhnya kepada tahap kompetensi guru.

Dalam kajian-kajian yang telah dijalankan, kompetensi guru dilaporkan berada pada tahap yang kurang memuaskan. Menurut kajian, guru bahasa Arab mengakui bahawa mereka mempunyai masalah dalam memahami dan melaksanakan pendekatan pengajaran komunikasi dan kemahiran-kemahiran tertentu (Azman Che Mat dan Goh Ying Soon, 2010, Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin, 2012). Turut menjadi faktor dan punca masalah guru bahasa Arab

ialah pengajaran yang dilaksanakan oleh mereka dalam kelas terhad berorientasikan peperiksaan dan buku teks semata-mata (Al-Muslim & Zamri Arifin, 2012).

Nik Rahimi, Kamarulzaman dan Zawawi (2006) menjelaskan bahawa guru bahasa Arab tidak menggunakan bahasa tersebut ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dalam darjah. Bukan itu sahaja, guru bahasa Arab juga kurang mempunyai keyakinan dan kepercayaan terhadap pelajar mereka. Kesannya, mereka kerap menggunakan terjemahan sebagai metod pengajaran yang akhirnya menghasilkan pelajar yang bersifat pasif dan memberi kesan terhadap kompetensi guru tersebut (Rosni Samah, 2012).

Antara masalah lain yang dilaporkan adalah kelemahan guru dalam melaksanakan pedagogi yang sesuai (Rahimi Md. Saad, Zawawi Ismail dan Wan Nordin Wan Abdullah, 2005; M. Amarudin Shuheb, 2016), kurang mahir dalam menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) dan kegagalan memanfaatkan teknologi dalam PdP (Rahimi Md. Saad et. al, 2005). Selain itu, kajian turut menunjukkan tidak semua guru yang mengajar bahasa Arab memiliki latar belakang pendidikan bahasa Arab (M. Amarudin Shuheb, 2016) dan ini secara tidak langsung menghadkan keupayaan dan kecekapan mereka dalam penyampaian.

Justeru, kompetensi guru merupakan faktor penting bagi menjayakan segala matlamat pendidikan yang telah ditetapkan oleh KPM. Kompetensi guru diperlukan di dalam melaksanakan dasar sedia ada mahupun dalam pelaksanaan dasar-dasar baharu. Kejayaan ataupun kegagalan proses PdP di dalam kelas bergantung sepenuhnya kepada tahap kompetensi guru (Mohammed Sani Ibrahim et. al, 2015).

1. Standard Kompetensi Guru

Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab (Mohammed Sani Ibrahim et. al, 2015). Kompetensi merupakan satu bentuk piawaian yang menggabungkan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan mahupun jawatan (Daud Ibrahim, 2003). O'Flaherty (2018) menjelaskan kerangka kompetensi guru terdiri daripada beberapa elemen kecekapan seperti pengetahuan, kemahiran dan sikap yang membolehkan guru menyampaikan pengajaran secara efektif.

Drakulić, M. (2013) melihat ciri-ciri yang terdapat pada seorang guru dan kualiti pengajaran yang dihasilkan akan membentuk suatu set standard kompetensi guru yang holistik. Kompetensi guru dalam konteks ini dilihat dari dua dimensi yang berbeza iaitu (i) kompetensi guru yang mampu dipupuk, dipelajari serta dipertingkatkan melalui kursus, latihan serta bengkel dan (ii) sifat atau ciri personaliti guru yang stabil tertanam di dalam diri secara semula jadi.

Dalam konteks pendidikan secara umum, kompetensi merupakan suatu ukuran yang ditetapkan bagi seseorang guru dalam menguasai pelbagai peringkat kecekapan yang diperlukan untuk memenuhi aspirasi pelajar dan masyarakat. Kompetensi adalah piawaian yang menentukan prestasi perkhidmatan seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang disandang (Mohammed Sani Ibrahim et. al, 2015).

2. Standard Kompetensi Guru Malaysia dan Luar Negara

Sehingga kajian ini dijalankan, tidak dapat dipastikan wujudnya satu standard kompetensi guru bahasa Arab di Malaysia. Namun, usaha mewujudkan standard kompetensi dalam bidang perguruan di Malaysia telah digerakkan (Saedah Siraj dan Mohammed Sani Ibrahim, 2012). Malah beberapa negara mempunyai standard kompetensi untuk guru mereka yang boleh dijadikan panduan.

Umumnya, standard kompetensi guru merupakan satu set kriteria dari kompetensi minimum yang datang dalam bentuk pelaksanaan kerja yang berkaitan aspek personel, profesional dan sosial (Saedah Siraj & Mohd Sani Ibrahim, 2012). Beberapa aspek dan kriteria yang dicadangkan dalam standard sedia ada dijelaskan dalam senarai berikut:

Jadual 1: Kriteria Standard Kompetensi Guru

BEARE (2001)	STANDARD KOMPETENSI PENDIDIK GURU, NETHERLANDS
KURIKULUM	Kandungan
PEDAGOGI	Pedagogi
PENILAIAN	Organisasi
SUMBANGAN KEPADA SEKOLAH	Kumpulan Dinamika & Komunikasi
SUMBANGAN KEPADA PROFESION	Perkembangan & Pertumbuhan Personel

3. Standard Kompetensi Guru Bahasa Arab

Secara umumnya, kompetensi dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu kompetensi umum dan kompetensi khusus. Kompetensi umum merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki oleh seseorang dalam sesuatu perkhidmatan. Manakala, kompetensi khusus pula adalah pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang bersifat spesifik dalam menjalankan tanggungjawab sesuatu profesion (Saedah Siraj & Mohammed Sani, 2012).

Dalam pendidikan bahasa, kecekapan dan keupayaan bahasa seseorang guru adalah sangat penting dan merupakan ciri khusus dalam standard kompetensi guru bahasa. Kajian menemui beberapa kompetensi bahasa yang digunakan oleh beberapa negara dalam mengukur kompetensi bahasa guru mereka.

Jadual 2: Standard Kompetensi Guru Bahasa Arab

ARAB SAUDI	JORDAN - LCTFL
KELAYAKAN KEMAHIRAN PEDAGOGI	Pengetahuan tentang kebudayaan & sastera
KELAYAKAN MATEMATIK/MENGIRA	Pengetahuan tentang standard objektif, Pedagogi & Pendekatan
KELAYAKAN KOMUNIKASI	Pengetahuan tentang teori pemerolehan bahasa & amalan pendidikan
KELAYAKAN BAHASA	Pembangunan Profesionalisme
	Penilaian bahasa, kebudayaan & pendidikan
	Bahasa & Linguistik

Berdasarkan penelitian terhadap standard-standard kompetensi yang ada, maka standard kompetensi guru bahasa Arab yang dicadangkan dalam kajian ini merangkumi aspek kurikulum, pedagogi, penilaian, profesionalisme dan bahasa berteraskan dua jenis kompetensi iaitu kompetensi umum dan kompetensi khusus.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kompetensi merupakan elemen penting yang perlu ada dalam diri pendidik. Kompetensi merupakan faktor penting yang mampu menentukan kejayaan dan kegagalan proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kompetensi guru perlu diukur dan dinilai dari semasa ke semasa agar mereka sentiasa kompeten dan bersedia meningkatkan mutu pengajaran serta mampu berdepan perkembangan teknologi semasa

Objektif Kajian

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini dijalankan dengan tujuan mencapai objektif berikut:

1. Menentukan tahap kompetensi guru bahasa Arab sekolah rendah di Malaysia.
2. Mengukur tahap kompetensi guru bahasa Arab sekolah rendah di Malaysia berdasarkan domain.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah tahap kompetensi keseluruhan guru-guru bahasa Arab sekolah rendah di Malaysia?
2. Apakah tahap kompetensi guru-guru bahasa Arab sekolah rendah berasaskan domain?

Metodologi Kajian


Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan untuk mengukur tahap kompetensi guru dalam beberapa aspek. Borang soal selidik digunakan bagi mengumpul data dan mengukur tahap kompetensi guru bahasa Arab di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada guru-guru sekolah rendah aliran perdana di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Seramai 557 orang guru terlibat dalam kajian ini. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan persampelan rawak strata berdasarkan zon iaitu zon utara, zon timur, zon tengah, zon selatan dan zon Sabah & Sarawak. Data yang dikumpulkan ditadbir menggunakan SPSS V21 dan dihurai secara deskriptif.

1. Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan sekolah-sekolah di seluruh Malaysia berjumlah 7,762 buah sekolah. Jumlah ini termasuklah kategori (i) Sekolah Kebangsaan (SK), (ii) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), (iii) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan (iv) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Bagi setiap zon 100 orang guru atau lebih dari 100 buah sekolah ditentukan sebagai responden kajian. Soal selidik dibekalkan dalam bentuk kertas atau secara

maya menggunakan perisian *survey monkey* dan diedar melalui Jabatan Pendidikan Negeri. Hasilnya 557 dikembalikan untuk dianalisis.

Rajah 1: Bilangan Sekolah Rendah Mengikut Zon



Sumber: Unit Pendidikan Islam Rendah, Bahagian Pendidikan Islam, KPM 2017

Pemilihan sampel dibuat berdasarkan persampelan rawak strata berdasarkan lima zon yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengumpulan data, lima (5) buah negeri dipilih bagi mewakili zon-zon yang ditentukan seperti Kedah (Zon Utara), Selangor (Zon Tengah), Kelantan (Zon Timur), Melaka (Zon Selatan), dan Sabah (Zon Sabah & Sarawak).

2. Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Satu set soal selidik berkait tahap kompetensi guru bahasa Arab telah dibina dan diadaptasi daripada beberapa kajian yang berkaitan. Instrumen kajian dibina berpandukan Esmali Bari dan Sufean Hussin (2014) serta Mohammed Sani et. al (2015).

Instrumen ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu demografi, kompetensi guru dalam pengajaran bahasa Arab yang melibatkan lima (5) domain kompetensi dan soalan berbentuk terbuka. Bahagian pertama terdiri daripada soalan-soalan berkaitan demografi responden kajian. Bahagian kedua pula mengandungi lima (5) domain kompetensi yang diuji iaitu kompetensi bahasa, kurikulum, penilaian, profesionalisme dan pedagogi. Dan bahagian ketiga berkisar tentang pandangan guru dan keperluan latihan.

Bagi mengukur tahap kompetensi guru, skala Likert 5 poin digunakan. Skala Likert 5 poin yang dicadangkan adalah (1) Sangat tidak mahir, (2) Tidak mahir, (3) Agak mahir, (4) Mahir dan (5) Sangat mahir.

Dapatan Kajian

Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru bahasa Arab secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana (min 3.6, N=557). Dua kriteria yang diuji berada pada tahap tinggi iaitu kompetensi pedagogi (min 3.72, N=557) dan kompetensi profesionalisme (min 3.71, N=557). Namun tiga kriteria diuji berada pada tahap sederhana (kurang kompeten) iaitu kompetensi penilaian (min 3.56, N=557) kompetensi kurikulum (min 3.49, N=557) dan kompetensi bahasa (min 3.49, N=557). Dapatan ini menjawab persoalan kajian yang pertama.

1. Kompetensi Bahasa Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah

Secara keseluruhannya kompetensi bahasa guru bahasa Arab sekolah rendah pada tahap sederhana dengan nilai min sebanyak 3.49 (N=557). Dapatan ini menjelaskan bahawa kompetensi bahasa guru secara umumnya adalah kurang kompeten.

Penelitian terhadap item-item yang diuji dalam kompetensi bahasa menjelaskan bahawa guru mempunyai kecekapan dalam memperdengarkan bacaan dengan betul dan tepat kepada murid (min 3.87). Guru juga kompeten dalam melakukan pemantauan terhadap kemahiran membaca dan menulis (min 3.74) serta kemahiran mendengar dan bertutur (min 3.73). Penggunaan bahasa badan dalam pelaksanaan PdP juga dilapor berada pada tahap yang baik.

Aspek kelemahan guru dalam kompetensi bahasa berkait rapat dengan kemahiran berbahasa. Guru bahasa Arab sekolah rendah didapati kurang menggunakan bahasa Arab dalam darjah (min 3.24) dan mereka berhadapan dengan masalah kecukupan kosa kata khususnya berasaskan acuan (min 3.24). Guru-guru ini kurang mahir bertutur dalam bahasa Arab secara fasih (min 3.27) sekaligus menjadikan arahan dan penjelasan dalam bahasa Arab tidak digunakan (min 3.31). Perkara ini berpunca dari kelemahan menguasai empat kemahiran asas dalam bahasa Arab (min 3.32) begitu juga dengan aspek tatabahasa (min 3.44)

2. Kompetensi Kurikulum Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah

Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kompetensi kurikulum guru bahasa Arab sekolah rendah adalah sederhana dengan min 3.49 (N=557). Dapatan ini menjelaskan bahawa tahap penguasaan pengetahuan tentang isi kandungan kursus yang diajar (kepakaran subjek) dan isi kandungan kursus berada pada tahap kurang kompeten.

Penilaian terhadap item-item yang diukur menunjukkan bahawa guru secara umumnya kompeten dalam melaksanakan pengajaran bahasa Arab berpandukan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) (min 3.73). Walau bagaimanapun, guru kurang kompeten dalam membuat penambahbaikan kandungan bahasa Arab dengan informasi dan input-input terkini (min 3.25).

3. Kompetensi Penilaian Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah

Data yang diperolehi menunjukkan bahawa kompetensi penilaian guru bahasa Arab sekolah rendah berada pada tahap sederhana (min 3.56). Ini menjelaskan bahawa bahasa Arab sekolah rendah kurang kompeten dalam aspek perancangan penilaian, pengurusan, pemarkahan dan interpretasi keputusan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru sangat kompeten dalam menentukan kemajuan dan prestasi murid berdasarkan keputusan ujian (min 3.71), menyimpan rekod kemajuan murid dengan baik (min 3.69) dan menilai hasil kerja dan kemahiran bahasa murid (min 3.67). Tinjauan mendapati bahawa guru-guru sering menyertai bengkel-bengkel pentaksiran yang membantu mereka melakukan penilaian dan mengurus markah dengan baik dan berkesan.

4. Kompetensi Profesionalisme Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah

Secara keseluruhannya, kompetensi profesionalisme guru bahasa Arab sekolah rendah berada pada tahap tinggi dengan nilai min sebanyak 3.71 (N=557). Data ini memberikan isyarat yang jelas bahawa guru-guru kompeten dalam aspek profesionalisme.

Secara keseluruhannya, daripada 12 item yang terdapat dalam jadual di atas, lapan (8) daripadanya berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru memenuhi tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru (min 3.99), guru-guru sentiasa meningkatkan komitmen dalam pengajaran (min 3.93) dan meningkatkan semangat kerja berpasukan (min 3.85).

Guru-guru didapati mahir dalam pengurusan masa (min 3.81), bijak dalam menyelesaikan masalah berkaitan kerjaya (min 3.75) dan sentiasa berkongsi kemahiran dan pengetahuan dengan guru-guru lain (min 3.75). Guru-guru didapati kompeten dalam meningkatkan profesionalisme mereka melalui pembacaan (min 3.74) serta boleh bekerjasama dan berkolaborasi dengan rakan sejawat untuk membuat persediaan mengajar (min 3.67). Guru-guru juga mampu mencapai sasaran prestasi (min 3.66), melibatkan diri dalam dalam khidmat masyarakat dan ummah (min 3.51), menyertai persidangan, kursus dan seminar (min 3.49) dan mengikuti organisasi profesional dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran (min 3.34).

Dapatan ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa guru-guru bahasa Arab sekolah rendah adalah guru yang professional dan terlatih. Maklumat demografi menunjukkan bahawa guru-guru terbabit mengikuti latihan keguruan secara khusus dan ia menunjukkan keberkesanan latihan yang disediakan oleh pihak KPM. Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB) merupakan usaha gigih pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan guru yang professional dan kompeten di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015)

5. Kompetensi Pedagogi Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah

Secara keseluruhannya, kompetensi pedagogi guru bahasa Arab sekolah rendah juga berada pada tahap tinggi dengan nilai min sebanyak 3.72 (N=557). Data ini turut menjelaskan keberkesanan latihan yang diikuti oleh guru-guru terbabit sebelum melangkah ke bidang perguruan.

Dapatan kajian menunjukkan guru-guru mahir dan kompeten dalam item-item kompetensi pedagogi yang diukur. Guru-guru sangat kompeten dalam menyediakan RPH dan perancangan sebelum pengajaran bermula (3.98), prihatin terhadap murid (3.90) dan menerapkan nilai murni ketika pengajaran (3.89).

Walau bagaimana pun, guru-guru bahasa Arab sekolah rendah didapati kurang kompeten dalam beberapa aspek antaranya kurang mahir dalam melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran (min 3.44), kurang mengambil tahu perkembangan terkini bahasa Arab (min 3.51) dan kurang mahir dalam memulakan pengajaran bahasa Arab dengan set induksi yang menarik (min 3.53). Mereka juga kurang mahir mengintegrasikan pengajaran dengan pengalaman sebenar murid (min 3.55) dan kurang kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pedagogi berdasarkan situasi (min 3.56).

Perbincangan

Secara umumnya, kompetensi guru bahasa Arab di sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia pada keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa guru secara keseluruhannya tahap kompetensi bagi ke semua domain perlu ditingkatkan. Namun, penelitian mendalam pada domain kompetensi yang dinilai, guru kompeten dalam aspek pedagogi dan profesionalisme.

Dapatan ini menjelaskan bahawa kompetensi guru dalam aspek pedagogi dan profesionalisme berada pada tahap yang sangat memberangsangkan. Ini membuktikan bahawa program-program perguruan yang dilaksanakan oleh pihak KPM seperti KPLI, DPLI dan latihan guru seumpamanya memberikan impak positif dalam profesion keguruan khususnya dalam kalangan guru-guru bahasa Arab sekolah rendah. Malah, program-program latihan yang dianjurkan oleh pihak KPM menjadikan guru kekal kompeten khususnya dengan peningkatan tempoh perkhidmatan. Aspek ini memberikan nilai tambah kepada aspek persediaan guru seperti disarankan O'Flaherty (2018). Kompetensi pedagogi ini membolehkan guru mengurus persekitaran kelas, merancang pengajaran berinstruksi, menjamin persekitaran yang kondusif, membangun keupayaan berfikir aras tinggi untuk pelajar dan mengukuhkan kompetensi penggunaan teknologi.

Walau bagaimanapun, semua pihak terlibat termasuk guru dan pihak-pihak bertanggungjawab perlu memberikan sedikit tumpuan kepada tiga aspek kompetensi yang dinilai dalam kajian ini iaitu kompetensi penilaian, kurikulum dan bahasa.

Kompetensi kurikulum berkait rapat dengan aspek pengetahuan dan kepakaran dalam bidang. Perkembangan ilmu pengetahuan dan kandungan matapelajaran, perubahan kurikulum, pertukaran dasar dan polisi menjadikan guru perlu sentiasa mengurus dan mengemaskini maklumat. Kompetensi kurikulum akan membolehkan guru memahai secara mendalam asas dan struktur matapelajaran serta mempunyai akses kepada pengetahuan yang menghubungkannya dengan kurikulum dan dunia luar. Dalam konteks pendidikan bahasa Arab, guru turut perlu mempunyai keupayaan dalam komunikasi.

Kompetensi penilaian turut dianggap penting kepada guru khususnya di peringkat sekolah rendah. Guru perlu kompeten dalam aspek penilaian meliputi proses perancangan penilaian, pengurusan, pemarkahan dan interpretasi keputusan. Bahasa Arab bukan matapelajaran yang terlibat dalam peperiksaan utama UPSR. Status ini seharusnya dimanfaatkan oleh guru untuk mengajar bahasa ini berorientasikan objektif dan bukannya peperiksaan. Justeru, kompetensi guru dalam aspek penilaian mampu mambantu guru dalam merancang dan mengurus penilaian agar ia menjadi asas dalam melahirkan pelajar yang menguasai bahasa Arab dengan baik dan bukan cemerlang di atas kertas sahaja.

Kompetensi paling penting dalam kajian ini ialah kompetensi bahasa. Dalam pendidikan bahasa Arab, guru bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan dalam bahasa, malah ia perlu mahir dalam penggunaannya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek ini dilaporkan berada pada tahap terendah berbanding domain kompetensi yang lain. Dapatan juga mengesahkan kebimbangan kajian-kajian lalu berkaitan tahap penggunaan bahasa Arab oleh guru yang rendah selain faktor lemah dalam kemahiran-kemahiran asas bahasa. Faktor ini juga yang menjadikan guru tidak cenderung menggunakan bahasa Arab dalam darjah seperti dilapor Nik Rahimi, Kamarulzaman dan Zawawi (2006). Kompetensi bahasa guru perlu dipertingkatkan kerana penguasaan bahasa Arab merupakan faktor utama atau pra-syarat bagi memenuhi keperluan dan tuntutan bagi seorang guru bahasa. Ia merupakan kompetensi khusus yang perlu dibangunkan oleh guru-guru Bahasa.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pendidikan masa kini bukan sahaja menuntut para guru menyempurnakan tugas dan tanggungjawab mereka tetapi perlu juga memastikan bahawa kompetensi mereka dalam pelbagai aspek dipertingkatkan untuk kekal relevan dalam dunia pendidikan. Kompetensi guru merupakan faktor yang penting bagi menjayakan segala matlamat dan objektif pengajaran. Guru bahasa Arab perlu sedar bahawa guru yang kompeten ialah guru yang profesional, mahir dalam pedagogi pengajaran, mahir melaksana kurikulum, mahir mengurus penilaian serta menguasai ilmu bahasa Arab yang baik. Berbagai usaha dan alternatif perlu dicari dalam usaha menyediakan pelan latihan kepada guru-guru terbabit dalam usaha meningkatkan tahap kompetensi mereka. Semua pihak perlu menggembeng tenaga dalam menyediakan latihan-latihan yang diperlukan bagi menjayakan agenda ini .

Rujukan

- Al Muslim Mustapa & Prof. Madya Dr. Zamri Arifin (2012). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Literatur Di Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*, 278-285.
- Azman Che Mat, Goh Ying Soon. 2010. Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi : perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis, *AJTLHE* Vol. 2, No. 2, July 2010, 9-20, Universiti Teknologi MARA, Malaysia.
- BERNAMA. (19 Jun, 2012). Profesionalisme Perguruan Jadi Fokus Utama Transformasi Pendidikan. 1 KLIK. Diambil pada 4 November, 2016, daripada <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/pendidikan/13446-profesionalisme-perguruan-jadi-fokus-utama-transformasi-pendidikan.html>
- BERNAMA. (4 September, 2013). *Pengambilan Guru Hanya di Kalangan 30% Graduan Terbaik*. Malaysia Kini. Diambil pada 4 November, 2016, daripada <https://www.malaysiakini.com/news/240433>
- Daud Ibrahim (2003). Mengenalpasti Masalah-masalah Dalam Melaksanakan Standard ISO 9000. Tesis Sarjana. Bangi: UKM.
- Drakulić, M. (2013). Foreign language teacher competences as perceived by English language and literature students. *Journal of Education Culture and Society*, 158 - 165.
- Esmali, B., & Sufean, H. (2014). Kompetensi Profesional Guru Sekolah Rendah di Sabah: Satu Tinjauan. *Jurnal Pendidikan*, 34.

- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2010). Rancangan Malaysia Ke-10: Bab 5: Membangun dan Mengekalkan Modal Insan. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 192–251. Diambil daripada <http://www.moe.gov.my/my/rmk10>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB). Putrajaya: KPM.
- M Amarudin Shuheb. (2016) *Kompetensi Guru Bahasa Arab Dalam Pembentukan Karakter Siswa Di Madrasah Aliyah Salafiyah Kajen Pati*. Tesis Sarjana, Uin Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu. (2015). Strategi implementasi pelan pembangunan pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Kamarulzaman Abd. Ghani & Zawawi Ismail (2006). Tahap Kemahiran Kefahaman Mendengar Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri. *Jurnal Teknologi*, 45(E) , 83-98.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran, UKM.
- O’Flaherty, Joanne, (2018), Teacher Competency Frameworks: What Do We Know and What Should We Know?, TED Info, Dipetik dari www.info-ted.eu [13 April 2020].
- Rahimi Md. Saad, Zawawi Ismail & Wan Nordin Wan Abdullah. (2005). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Web. Dipetik dari <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/rahimiUM.pdf> [4 November, 2016]
- Rosni Samah (2012). Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR’12), 286-300.
- Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. Prosiding Seminar Kebangsaan MAJLIS DEKAN PENDIDIKAN IPTA 2012.
- Zieger, Stacy. (2018). List of Core Competencies for Educators, Chron. Dipetik dari <https://work.chron.com/list-core-competencies-educators-8916.html> [10 April 2020].